

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan adakah Kerajaan berpendapat negara tidak lagi memerlukan perkhidmatan penerbangan nasional jika dibiarkan Malaysia Airlines dibelenggu masalah kewangan yang kritikal.

**JAWAPAN**

1. Tuan Yang Dipertua, selari dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) yang bertujuan menstruktur semula dan memulihkan operasi syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah ditubuhkan pada 7 November 2014. Penubuhan MAB bertujuan untuk mengambil alih operasi, aset dan liabiliti syarikat MAS. MAB seterusnya diletakkan di bawah Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).
  
2. Memandangkan Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam MAGB dan MAB, sebarang cadangan pemulihan dan penstrukturan syarikat adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah Khazanah, selaku pemegang saham tunggal syarikat.

3. Sehingga kini, Khazanah telah menyuntik kira-kira RM28 bilion ke dalam syarikat penerbangan tersebut manakala jumlah liabiliti MAGB pada masa ini yang akan disusun semula adalah dianggarkan sebanyak RM16 bilion. Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan MAGB adalah kira-kira RM366 juta selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah.
4. Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini. Malaysia Airlines kini beroperasi dengan kira-kira 75% daripada pesawatnya tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan, dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya terjejas.
5. Sehubungan dengan itu, Kerajaan komited untuk membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19. Kerajaan melalui Skim Jaminan Prihatin Danajamin (SJPD) menyediakan program pembiayaan bernilai RM50 bilion dengan jaminan sebanyak 80% ke atas pembiayaan bagi modal kerja syarikat. Namun demikian, kemudahan jaminan ini disediakan untuk manfaat kepada semua syarikat yang beroperasi di Malaysia dalam semua sektor termasuk sektor penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
6. Bagi mengatasi masalah kewangan MAGB dan MAB, Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkuatkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.
7. Ini adalah untuk memastikan ketersambungan atau ‘connectivity’ untuk negara sentiasa terpelihara dan Khazanah sebagai dana pelaburan negara sedia untuk memainkan peranannya berhubung Malaysia Airlines Berhad bagi mencapai aspirasi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.